



**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
MAJLIS BERSAMA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN  
(NGO) DAN MASYARAKAT SIVIL (CSO)  
DALAM MENJAYAKAN KAJIAN DASAR PEMBANGUNAN  
PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN  
(NATIONAL HUMAN RIGHTS ACTION PLAN-NHRAP)**

**Tarikh : 13 November 2014 (Khamis)**

**Masa : 9.00 pagi**

**Tempat : Hotel Bangi-Putrajaya, Bangi**

Bismilahirrahmanirrahim,  
Assalamuaalikum W.B.T.

YBhg. Dato' Nursiah Arshad,  
Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan  
Perdana Menteri,

Dato'-Dato', Datin-Datin, Pegawai-Pegawai Kerajaan, wakil-wakil  
daripada NGO dan CSO, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

1. Syukur alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia Allah S.W.T. dapat kita berkumpul pada hari yang bersejarah ini.
2. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Pemandu, ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal, para jemputan daripada pihak Kerajaan, penyelidik-penyelidik yang merupakan ahli kumpulan penyelidik yang dilantik khas bagi menjalankan kajian dasar Fasa I NHRAP serta wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan dan masyarakat sivil yang

sudi melapangkan masa menerima jemputan dan menghadiri program hari ini.

3. Saya difahamkan bahawa hari ini, sambutan adalah sangat menggalakkan terutamanya dari Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau kumpulan masyarakat sivil (CSO). Alhamdulillah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Kerajaan telah bersetuju supaya sebuah Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (National Human Rights Action Plan

- NHRAP) diadakan bagi Malaysia. Ini adalah satu keputusan yang dibuat selaras dengan perkembangan dunia pada masa sekarang, yang mana masyarakat kini tidak lagi memfokuskan perbincangan kepada peningkatan dari segi pendapatan dan kekayaan harta benda semata-mata, tetapi lebih banyak menjurus kepada keperluan mendapatkan kualiti hidup yang lebih baik.

5. Persoalan tentang hak asasi manusia adalah penting dan memberi kesan kepada setiap yang hadir pada majlis ini. Ia menjadi semakin penting kerana dalam era globalisasi seperti sekarang, pelanggaran hak asasi manusia oleh sesuatu pihak pasti ada kesannya kepada pihak yang lain. Kita tidak boleh meniadakan tuntutan masyarakat semasa kerana kita perlu menghormati prinsip bahawa semua orang mempunyai hak masing-masing untuk dihormati. Seperti mana yang pernah diungkapkan oleh mendiang Nelson Mandela '*To deny people their human rights is to challenge their very humanity*'.

6. Coba lihat kepada laporan-laporan di media massa, media elektronik malah di mana-mana sahaja. Sering kita lihat dan dengar laporan mengenai kejadian jerebu yang tidak berkesudahan, kejadian pembunuhan dan kekejaman, malah juga mengenai banjir dan kesannya. Bukankah itu semua menjurus kepada isu mengenai hak asasi manusia, seperti hak untuk mendapatkan udara bersih, hak untuk hidup, hak untuk mendapat kebebasan, hak untuk mendapat persekitaran hidup yang selamat dan sebagainya.

7. Memang benar di Malaysia tidak terdapat isu pelanggaran hak asasi manusia yang sangat serius seperti pembunuhan beramai-ramai atau kekejaman seperti di beberapa buah negara pada masa ini. Tetapi kita mempunyai isu-isu hak asasi manusia sendiri yang perlu ditangani sebaiknya.
  
8. Tidak lupa kita juga dinilai tahap penjagaan dan pemeliharaan hak asasi manusia oleh badan antarabangsa iaitu *United Nations Human Rights Council* (UNHRC) setiap 4 tahun melalui proses *Universal Periodic Review* (UPR). Melalui kitaran yang pertama



proses itu pada tahun 2009, kita telah menerima 62 cadangan untuk menambah baik kualiti penjagaan hak asasi manusia termasuklah untuk mengadakan sebuah NHRAP sendiri. Bertitik tolak dari itu, Kerajaan telah mempertimbangkan dan bersetuju supaya sebuah NHRAP yang komprehensif, efektif dan realistik dibangunkan dengan bercirikan keunikan Malaysia untuk menangani isu-isu berkaitan hak asasi manusia.

9. Pembangunan pelan ini kelak akan diasaskan kepada **5 teras utama iaitu hak sivil dan berpolitik; hak ekonomi, sosial, agama dan kebudayaan; hak golongan rentan; hak orang**

**asal/orang asli serta kewajipan antarabangsa.** Pembangunannya akan mengambil kira keperluan *stakeholders* dan orang awam selaras dengan dasar Kerajaan yang berlandaskan kepada **Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Berdasarkan kepada *the Handbook on National Human Rights Plans of Action*, sebelum sebuah NHRAP diadakan, sebuah **kajian dasar** (baseline study) perlu dijalankan untuk

melihat kepada kedudukan semasa hak asasi manusia dalam negara. Kepentingan kajian dasar ini adalah kerana **hasil kajian akan menjadi tulang belakang untuk menentukan kandungan pelan tindakan berkenaan**. Kemudian hasil berkenaan juga akan dijadikan **penanda aras** semasa membuat penilaian kepada NHRAP untuk melihat kepada kedudukan hak asasi manusia setelah NHRAP dilaksanakan.

11. Pada masa sekarang Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) sebagai *focal*

*agency* kepada pembangunan NHRAP sedang melaksanakan Fasa I kajian ini. Oleh sebab kajian bakal melibatkan semua pihak, saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan supaya memberi kerjasama sepenuhnya kepada usaha giat ini.

12. Suara tuan-tuan dan puan-puan adalah amat penting dalam memastikan pelan yang bakal diadakan ini menjadi sesuatu yang *by the people for the people*. Besarlah hasrat saya agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyuarakan apa-apa sahaja pandangan dan idea untuk memastikan ia menjadi satu

pelan yang bersifat inklusif, komprehensif dan efektif demi kebaikan semua.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Majlis pada hari ini merupakan **engagement yang pertama** dibuat dalam proses pembangunan NHRAP yang melibatkan pihak Kerajaan dan bukan Kerajaan secara besar-besaran. Kita mahu mendengar sendiri daripada pihak tuan-tuan

dan puan-puan apakah **aspirasi dan harapan** di pihak tuan-tuan dan puan-puan terhadap NHRAP yang bakal dibangunkan. Kita mahu mendengar dan mengambil kira pandangan serta idea berkenaan untuk dimasukkan ke dalam pelan itu kerana ia merupakan cermin kehendak masyarakat. Tuan-tuan dan puan-puan wadah yang paling berkesan untuk menjayakan misi ini.

14. Suka saya maklumkan di sini bahawa, lebih banyak lagi proses *engagement* atau *public consultation* seperti ini akan

diadakan. BHEUU merancang untuk memulakannya tahun hadapan.

15. BHEUU mengalu-alukan pandangan serta idea tuan-tuan dan puan-puan. Jadikanlah platform pada hari ini sebuah platform **perbincangan yang rasional dan matang** kerana kita sama-sama **mahukan yang terbaik untuk negara kita**. Inilah masanya kita bekerjasama untuk menghasilkan sesuatu yang bakal memberi manfaat kepada masyarakat seluruhnya.

16. Akhir kata, saya amat berharap agar objektif program ini dapat dicapai sepenuhnya. Terima kasih kepada semua dan besar juga harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan dapat memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang tempoh program berlangsung demi manfaat kita bersama. Moga-moga hasrat murni ini mendapat keberkatan dari Allah S.W.T.



17. Dengan lafaz Bismillahi Rahmani Rahim, saya merasmikan Majlis Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Masyarakat Sivil Bagi Menjayakan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP).
  
18. Sekian. Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.